

**BN Salur Bantuan Untuk Kebajikan Rakyat, Bukan Ciplak Idea Pembangkang  
Bernama  
02 Mei, 2012**

GEORGE TOWN, 2 Mei (Bernama) -- Langkah kerajaan Barisan Nasional (BN) menyalurkan pelbagai bentuk bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan bantuan persekolahan adalah demi kebajikan rakyat dan bukannya meniplak idea pembangkang.

Shahbudin Yahaya (BN-Permatang Berangan) berkata apa yang BN telah buat ialah idea baru dan berlainan dengan mana-mana pihak.

"Yang paling penting Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tidak meniru apa yang dibuat oleh kerajaan negeri sebaliknya apa yang BN lakukan ialah benda baru dan berlainan serta tidak tiru mana-mana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mencelah bagi menyangkal tuduhan R.S.N. Rayer (DAP-Seri Delima) bahawa BN meniplak idea kerajaan negeri dalam menyalurkan bantuan, ketika membahaskan usul terima kasih Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Rabu.

Datuk Arif Shah Omar Shah (BN-Seberang Jaya) yang turut mencelah berkata perdana menteri mempunyai kaedah sendiri dalam merancang transformasi demi kesejahteraan rakyat.

"Beliau (Najib) tidak langsung meniplak sebaliknya beliau membuat untuk kebajikan rakyat negara ini dan setiap sumbangan yang diberikan tidak mengira fahaman atau ideologi politik individu," katanya.

Arif Shah berkata semua yang layak menerima bantuan akan diberi dan bukan seperti kerajaan negeri yang menetapkan syarat atau kriteria tertentu kepada penerima.

"Contohnya pelajar sekolah, semua pelajar sekolah, tidak kira berapa bilangan anak yang bersekolah dalam setiap keluarga diberi bantuan RM100 tetapi kerajaan negeri hanya memberi kepada pelajar tahun satu dan empat dan tingkatan satu dan empat.

"Ini jauh berbeza dengan usaha dilakukan BN dan langsung tidak sama, jadi bagaimana yang dikatakan BN meniplak idea kerajaan negeri," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663251>